



Church of the Assumption, PJ



Percaya akan Harapan sebagai Berita Baik /

Kita bertumbuh di dalam, melalui dan dengan Harapan.

Markus 1:12-15

1:12 Segera sesudah itu Roh memimpin Dia ke padang gurun.

1:13 Di padang gurun itu Ia tinggal empat puluh hari lamanya, dicobai oleh Iblis. Ia berada di sana di antara binatang-binatang liar dan malaikat-malaikat melayani Dia.

1:14 Sesudah Yohanes ditangkap datanglah Yesus ke Galilea memberitakan Injil Allah,

1:15 kata-Nya: "Waktunya telah genap; Kerajaan Allah sudah dekat. Bertobatlah dan percayalah kepada Injil!"

Kitab Injil memberitahu kami, sebelum berita baik diisytiharkan bahawa Yesus diutus ke padang gurun terlebih dahulu. Padang gurun adalah suatu alam persekitaran yang tidak mengizinkan. Yesus telah digoda oleh syaitan, bahawasanya dia bersama binatang-binatang buas. Sayugia di sini dinyatakan bahawa Yesus tidak binasa ataupun menyerah kalah. Sebenarnya, malaikat-malaikat telah hadir kepadanya.

Semasa zaman pandemik, kita juga ditempatkan di suatu alam persekitaran yang tidak mengizinkan. Kita didedahkan kepada serangan penyakit yang merbahaya. Tetapi kita tidak boleh menyerah kalah ataupun rasa hampa. Panggilan kita adalah untuk bertobat dan berbalik kepada Injil adalah suatu panggilan untuk pertobatan (metanoia) Sesuatu harapan yang boleh termakbul sekiranya kita percaya pada berita baik.

Paus Franciskus menyatakan dalam Pesanannya untuk Pra-paska 2021: "Pra-paska: Masa untuk memperbaharui Iman, Harapan dan Cinta-kasih", memesan berkenaan harapan pada masa ini.

Pada masa yang mencabar begini, segala-galanya terasa macam rapuh dan tidak menentu, ia semakin mencabar untuk bercakap pasal harapan. Walhal Pra-paska sememangnya bulan untuk berharap, apabila kita menoleh kepada Allah, yang dengan sabarnya terus menjaga alam ciptaannya padahal kitalah yang telah salah-layannya. (cf. *Laudato Si'*, 32-33; 43-44). Santo Paulus menggesa kita untuk menaruh harapan terhadap pendamaian. "Berdamailah dengan Tuhan" (2 Kor 5: 20).

Semasa Pra-paska, kita semakin mengutamakan kata-kata yang memberi simpati, penguatan, keselesaan dan galakan, dan bukan perkataan yang mencerca, menduka, memarahi dan memerli.



Church of the Assumption, PJ



(Fratelli Tutti, 223). Supaya memberi pengharapan kepada yang lain, kadang-kadang memadailah untuk berbaik hati, “sanggup untuk mengenyahkan segala-galanya demi untuk menunjuk minat, memberi senyuman dan kata-kata yang menggalakkan, untuk mendengar di sebalik sikap tidak peduli orang ramai.” (ibid., 224)

Pengaturan Pandemi: Di dalam keadaan berkontekskan pandemik Covid-19, kita digesa untuk hidup di dalam Harapan dan Bersama Harapan – dalam menghadapi krisis kesihatan yang sangat besar. Kita harus berpegang pada Harapan bahawa kita pasti akan dapat menyesuaikan diri dengan krisis ini secara efektif di peringkat nasional - dari segi kebijakan sosial, prosedur operasi standard (SOP), dan norma baharu: misalnya, dengan memakai pelitup muka ketika kita berurusan di luar.

Tema untuk Kempen Pra-paska 2021 Hidup Harapan– Individu (Saya), Keluarga dan Komuniti. Untuk Kempen Pra-paska 2021 dan selanjutnya, tema mengajak kita untuk berpegang teguh kepada HARAPAN terhadap cabaran teruk yang di luar dugaan kepada kesihatan social dan mental yang diutarakan oleh pandemik COVID-19 dan realiti yang berkenaan kepadanya.

HARAPAN 1, 2 & 3: Tema ini mengajak kita untuk menghidupkan Harapan pada tiga tahap: Individu (Saya), Keluarga dan Komuniti. Di dalam Harapan – Saya, kita berpegang teguh pada Harapan dan janji-janji, potensi dan kemungkinannya di dalam hati dan fikiran kita. Kita perlu menyedari akan kekuatan Harapan untuk membentuk pilihan, keputusan dan tingkah laku kita, kita secara peribadi menginginkan berkat rohani yang mewujudkan Harapan di dalam hidup kita - kita menjadi pembawa obor Harapan, dan HARAPAN sentiasa terpahat di fikiran dan hati kita. Dengan tulisan HARAPAN yang tersemat di dalam diri kita, senyuman akan sentiasa terukir di wajah kita. Pembaharuan Prapaska untuk diri kita sendiri pada tahap peribadi dipermudahkan dengan menghidupi HARAPAN.

Dalam Harapan – Keluarga, HARAPAN di hati kita saling dikongsi bersama ahli Keluarga kita. Kebanyakan pilihan dan aktiviti diputuskan berdasarkan keputusan Keluarga: keputusan ini akan diwarnai dan dipengaruhi oleh HARAPAN yang menghidupkan Keluarga. Di dalam Keluarga, baik di dalam keluarga kecil mahupun keluarga besar, semua anggota saling mengingatkan dan saling mendorong untuk mengikuti jalan HARAPAN dan ‘menambah’ satu sama lain ‘bekalan’ HARAPAN dengan berpandukan kepada Injil. Semasa berdoa bersama Keluarga, kita fokuskan niat kita pada HARAPAN dan berdoa agar kita diperbaharui sebagai Keluarga yang penuh HARAPAN semasa Prapaska – dan seterusnya.

Dalam Harapan – Komuniti, manifestasi HARAPAN yang lahir dari hati serta Keluarga kita saling dikongsi dengan Komuniti: ahli KED dan orang lain di kawasan kejiranan dan tempat kerja. Interaksi dan hubungan kita dengan komuniti diperisakan dengan HARAPAN dan menjadi transaksi inspirasi dan motivasi HARAPAN. Jauhkan dari sebarang kritikan dan keluhan, kita pasti menjadi sebahagian daripada penyelesaian apabila kita menawarkan cadangan dan proposal yang penuh HARAPAN di dalam situasi sukar dan realiti yang bermasalah. HARAPAN membolehkan realiti masyarakat dapat



Church of the Assumption, PJ



difahami dan diterima dengan lebih baik. Bermula pada musim Prapaskah, dan sesudah selepas itu, pada ketika kita mempraktikkan cara baharu untuk bersosial dan berhubungan dengan masyarakat, marilah kita terus menaruh HARAPAN di dalam perhubungan sosial kita.

Tindakan lestari kita lebih menyerlah berbanding kata-kata.

Dalam pelayanan awamnya, Yesus menggunakan unsur alam semulajadi. Dia bukan sahaja penafsir alam semulajadi yang berpengetahuan, tetapi menggambarkannya dalam imej dan pengajarannya. (rujuk cerita Yesus menenangkan rebut di laut : Mt 14:22-33; Mk 6:45-52; Lk 8:22-25; Yn 6:16-21).

Tuhan meletakkan alam sebagai pelaksana rancangan penebusannya. Dia meminta murid-muridnya untuk melihat sesuatu, pada musim dan pada orang-orang yang mempunyai kepercayaan anak-anak yang tahu bahawa mereka tidak akan pernah ditinggalkan oleh Bapa yang sudah pasti (lih. Luk 11: 11-13). Jauh dari diperbudak oleh perkara, murid Yesus mesti tahu bagaimana menggunakannya untuk mewujudkan perkongsian dan persaudaraan (lih. Luk 16: 9-13).

Ketika orang membincangkan kelestarian, mereka berbicara tentang menjaga dalam jangka panjang kestabilan ekosistem bumi dan kemampuan semula jadi untuk menjana semula sumbernya. (Docat 263).

“Ketika kita memikirkan keadaan dunia yang kita tinggalkan untuk generasi mendatang, kita mulai berpikir dengan cara yang berbeda, sadar bahawa dunia adalah hadiah yang telah kita terima secara gratis dan yang kita bagi dengan yang lain. Jika bumi diberikan kepada kita, kita tidak lagi dapat berpikir hanya mengikut ukuran manfaat, efisiensi dan produktivitas untuk kepentingan peribadi.” Pope Francis, *Laudato Si*, 159

Berikut adalah Doa yang dikarang oleh Bapa Paus Franciskus, 5 tahun selepas tertulisnya *Laudato Si*.

Allah Penyayang, Pencipta syurga dan bumi dan segalanya yang terkandung di dalamnya,

Kamu-lah yang menciptakan kami dalam wajahmu dan menjadikan kami selaku pelayan kepada segala ciptaan-Mu, rumah asas kita.

Kamu memberkati kami dengan matahari, air dan tanah berlimpahan supaya kami semua akan diberikan khasiat.

Bukalah minda kami dan menyentuh hati kami, supaya supaya kami boleh hadir pada pemberian ciptaan-Mu.

Tolonglah kita supaya sadar bahawa kediaman bersama bukan sahaja kepunyaan kita tetapi untuk generasi akan datang, bahawasanya tanggungjawab kita untuk memeliharanya.

Benarkanlah kita tolong setiap orang memelihara makanan dan sumber yang diperlukan mereka.



Church of the Assumption, PJ



Benarkanlah kita hadir pada masa yang mencabar ini, terutamanya golongan yang termiskin dan mereka yang paling mungkin ditinggalkan.

Berubahlah perasaan takut, keresahan dan perasaan terencil kepada harapan supaya kami boleh mengalami konversi yang sebenarnya.

Tolonglah kami untuk menonjolkan perpaduan kami secara kreatif untuk menangani akibat pandemik global ini.

Memberanikanlah kami untuk menerima penukaran yang diperlukan untuk mencari kebaikan bersama,

Lebih-lebih lagi pada masa ini kita berperasaan bahawa kita semua saling berkaitan, dalam usaha kami untuk menolong tangisan bumi dan tangisan golongan miskin.

Kita memanjatkan doa melalui Kristus Tuhan kita.

Amen.

Gereja Katolik Assumption, PJ

www.assumptionpj.org  AssumptionPJ  ChurchoftheAssumptionPJ